

Sime Peroleh 99.99 Peratus Kepentingan Ekuiti dalam IEC

Bernama

Jun 23, 2014

KUALA LUMPUR, 23 Jun (Bernama) -- Unit milik penuh tidak langsung Sime Darby Bhd menandatangani perjanjian jual beli bersyarat dengan Sub Sri Thai plc untuk memperoleh 99.99 peratus kepentingan ekuiti dalam Industrial Enterprises Co Ltd (IEC) bagi 815 juta baht (100 baht = RM10.73).

Dalam kenyataan kepada Bursa Malaysia pada Isnin, Sime berkata unit itu ialah Sime-Morakot Holdings (Thailand) Ltd, diperbadankan di Thailand dan Sime Darby Plantation Europe Ltd, diperbadankan di Singapura.

IEC ialah syarikat sendirian berhad diperbadankan di Thailand.

Sime berkata cadangan pengambilalihan itu merupakan sebahagian daripada pelan pengembangannya ke Rantau Kecil Mekong.

"Ia dijangka selesai pada pertengahan Julai 2014 dan akan dibiayai melalui dana dalaman. Ia tidak akan memberi sebarang kesan pada pendapatan atau aset bersih kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2014," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1048632>